

# Perlu bijak promosi perkhidmatan

Bagi pastikan sistem pengangkutan seperti teksi, kereta sewa tetap jadi pilihan pengguna

**BANTING** - Semua pemandu teksi dan kereta sewa di Kuala Langat digesa bertanggungjawab menjaga nama daerah ini daripada menerima pelbagai maklum balas negatif mengenai sistem pengangkutan yang ada.

Penyelaras Pembangunan Persekutuan Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, setiap pemandu perlu 'menjaja' cerita yang baik-baik dalam menjalankan perkhidmatan kereta sewa atau teksi berkenaan sepanjang Aidilfitri nanti.

Menurutnya, pemandu teksi dilabel sebagai duta dalam memberi perkhidmatan kepada masyarakat.

"Saya percaya masih ada lagi pelanggan teksi yang mendapatkan perkhidmatan mereka di musim perayaan, jadi peluang itu perlu diberi perhatian.

"Mereka sebenarnya hanya perlu bertanggungjawab mempromosikan pengangkutan mereka supaya terus menjadi pilihan nombor satu," katanya



Sulaiman menyampaikan sumbangan hari raya kepada Persatuan Teksi dan Kereta Sewa Daerah Kuala Langat.

selepas menyampaikan sumbangan hari raya kepada Persatuan Teksi dan Kereta Sewa Daerah Kuala Langat, semalam.

Sulaiman yang sempat melihat perjalanan teksi menjelang Aidilfitri

semalam, turut mengakui kebanyakan masyarakat kampung menggunakan kemudahan itu untuk ke pekan mencari keperluan harian menyambut Aidilfitri.

Katanya, tidak mustahil peng-

angkutan teksi menjadi pilihan utama masyarakat jika mahukan kemudahan yang lebih selesa tanpa bersesak-sesak menaiki sistem pengangkutan lain.

"Saya bangga bila persatuan teksi daerah ini sering berkerjasama dalam

menyalurkan maklumat mengenai masalah sistem pengangkutan yang mereka hadapi.

"Sedikit sebanyak masalah mereka boleh dipanjangkan kepada pihak bertanggungjawab. Bukan semua masalah boleh selesai serta-merta, tapi ada juga yang boleh diselesaikan dengan bantuan pelbagai pihak," katanya yang pernah mernantangkan pelbagai masalah pemandu teksi mengenai kedudukan lokasi perhentian mereka didakwa jauh dari perhentian bas sebelum ini.

Pemandu teksi, Mohd Daim Sutar, 48, berkata, dia juga antara pemandu teksi yang sentiasa dalam keadaan 'bersedia' menjelang perayaan.

"Ini periuk nasi kaimi, jadi macam mana pun kita kenalah jalankan tanggungjawab... tapi bergantunglah pada waktunya itu.

"Pernah sebelum ini sedang beraya, dapat panggilan. Saya bergegas kerja juga. Lepas tu sambung beraya balik," katanya.

# Peka isu pemberian vaksin



ROZANA



AZNIAH



ROGAYAH

**BANTING** - Isu vaksin pada hari ini mencetuskan kebimbangan kebanyakan ibu dalam memastikan maklumat benar mengenai imunisasi.

Tinjauan *Sinar Harian* melalui beberapa wakil wanita di daerah ini memberi gambaran ibu bapa antara golongan yang perlu peka dengan situasi sangat diperkatakan ini.

Pengerusi Persatuan Taska-taska Daerah Kuala Langat, Azniah Mohamad berkata, sebagai ibu bapa, mereka harus peka dengan situasi yang berlaku pada hari ini.

"Sekarang, taska pun dah mula meneliti rekod anak-anak yang ambil vaksin atau tidak.

"Sekurang-kurangnya ibu bapa tak perlu risau tentang wabak yang melanda negara

ini jika segala vaksin diambil," katanya.

Azniah berkata, beliau menyarankan ibu bapa membuka minda dan menerima dengan hati terbuka mengenai vaksin dan tidak memanipulasikan isu disebabkan beberapa kes.

Ketua Dewan Muslimat Pas Kuala Langat, Rogayah Ibrahim berpendapat, selagi majlis fatwa menyatakan ia harus, ibu bapa perlu memberi suntikan imunisasi kepada anak mereka.

"Kita patut sedarlah dulu dan sekarang berbeza. Dulu tak ada dengar langsung virus ni.

"Dengan ramainya pendatang asing di negara kita sekarang, maka penularan penyakit bawaan dari negara mereka bagi saya mudah untuk

menjangkiti terutama kalangan anak kecil," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Pembangunan Wanita Parlimen Kuala Langat, Rozana Kamarulzaman berkata, beliau menggesa ibu bapa supaya tidak menerima sesuatu informasi tanpa memikirkan kesan pada masa akan datang.

Menurutnya, beliau mengakui isu tidak mengambil vaksin ini berlaku disebabkan pelbagai masalah.

"Tapi jika tak ada masalah, jangan sengaja menimbulkan isu sedangkan kesihatan anak-anak perlu dijaga.

"Apa pun ia bergantung kepada ibu bapa menilai sama ada memang ada risiko kepada anak mereka atau pun tak," katanya.